

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Oktober/November 1991

PLG 417 - Kaedah Mengajar Sejarah II

Masa : [2 jam]

Jawab soalan No.1 dan Dua soalan yang lain

1. Dengan menekankan aspek-aspek penerapan nilai, "Kurikulum Sejarah dalam KBSM cuba mengimbangkan di antara domain-domain kognitif dan afektif."
Bincangkan implikasi perubahan ini ke atas proses pengajaran-pembelajaran sejarah di negara ini.
(40 markah)
2. Buat satu penilaian terhadap Kaedah Inkuiri di dalam pengajaran-pembelajaran sejarah.
(30 markah)
3. Jerome Bruner (1960) telah mengandaikan bahawa struktur ilmu sejarah adalah berpadanan dengan struktur yang terdapat di dalam ilmu sains sosial. Bincangkan andaian ini dalam kontek pemikiran sejarah.

Sebagai seorang guru sejarah apa pula pendapat anda terhadap andaian yang disarankan oleh Jerome Bruner ini.
(30 markah)
4. Kefahaman tentang perkembangan kanak-kanak terutama dari aspek pertumbuhan umur mental mereka adalah penting bagi seseorang guru apabila merancang pengajarannya. Bincangkan aspek-aspek penting yang perlu diambil kira apabila merancang dan melaksanakan sesuatu pelajaran sejarah.
(30 markah)
5. Huraikan faktor-faktor utama yang perlu anda fikirkan apabila mengajar sejarah kepada murid-murid yang lambat.
(30 markah)

- oooOooo -

